



UCAPAN

YANG BERUSAHA ENCIK MD RADZI BIN HASHIM

SETIAUSAHA

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (SPP)

SEMPENA

**MAJLIS PELANCARAN APLIKASI F.I.K.I.R & MAJLIS
APRESIASI PENGERUSI SERTA ANGGOTA SURUHANJAYA**

9 NOVEMBER 2021 (SELASA) – 3.00 PETANG

DEWAN MESMERA, HOTEL EVERLY PUTRAJAYA

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis



**“Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi
Maha Penyayang”**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam Sejahtera.**

**Yang Berbahagia
Tan Sri Dr. Khair bin Mohamad Yusof
Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan**

**Yang Berbahagia
Datuk Seri Azmi bin Lateh
Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan**

Yang dihormati

Barisan Anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan

Timbalan-Timbalan Setiausaha

**Setiausaha-Setiausaha Bahagian dan seterusnya seluruh
warga SPP yang dikasihi sekalian.**

KALIMAT PEMBUKA

(Pantun)

***Pandemik COVID tak nampak zahir,
Saiznya seni sukar dilihat;
Terima kasih kerana hadir,
Diharap sihat dan bertambah berkat.***

Insya-Allah...

Hadirin yang dikasihi sekalian,

- 1. Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya kita dapat turut serta dalam Majlis Pelancaran Aplikasi Format Inisiatif, Kualiti, Inovasi dan Respon atau FIKIR Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) pada petang ini. Terima kasih sekali lagi atas penyertaan semua.**

- 2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan penganjuran majlis ini. Saya faham, SPP sedang sibuk dengan pelaksanaan urusan temu duga Pengambilan Khas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) DG41 secara ‘*One-Off*’. Namun bila melihat kepada persiapan dan perlaksanaan majlis pada petang ini, saya kagum dengan komitmen semua.**
- 3. Rasanya ini adalah perjumpaan kedua Warga SPP selepas Majlis Amanat Setiausaha pada Mac lalu. Hari ini kita sama-sama dapat berkumpul semula setelah Kerajaan memberi kelonggaran kepada beberapa aktiviti ekonomi dan sosial bermula 11 Oktober 2021 yang lalu. Bagaimanapun, saya berharap setiap daripada kita akan sentiasa mematuhi SOP semasa agar pandemik COVID-19 akan dapat terus dibendung sepenuhnya.**
- 4. Penularan pandemik COVID-19 pada masa ini bukan sahaja memberi kesan kepada kehidupan kita sebagai manusia tetapi juga sebagai penjawat awam. Namun selepas hampir dua tahun pasca pandemik dan dengan**

pelbagai ketidaktentuan, SPP dilihat masih cemerlang dalam memberikan penyampaian perkhidmatan terbaik kepada pemegang taruh dan pelanggannya.

Hadirin yang dikasih sekalian,

- 5. Jika sebelum ini urusan rasmi di pejabat dijalankan secara bersemuka, kini kebanyakannya sudah dapat dilaksanakan secara atas talian. Justeru, adalah tanggungjawab setiap daripada kita untuk benar-benar mengadaptasi dan menyesuaikan diri dengan amalan kerja norma baharu agar ia tidak akan mengganggu produktiviti harian.**

- 6. Berkisar kepada adaptasi amalan kerja norma baharu, Pengurusan SPP sentiasa menggalakkan Warga mengaplikasikan elemen pendigitalan dalam urusan kerja harian. Langkah ini juga sebagai usaha SPP menyahut inisiatif Kerajaan yang ingin memperkasa Revolusi Industri 4.0 atau lebih dikenali sebagai 4IR.**

- 7. Untuk makluman semua, pengenalan Aplikasi Format Inisiatif, Kualiti, Inovasi dan Respons atau singkatannya FIKIR SPP pada petang ini, ia adalah sangat dialu-alukan dan mendapat sokongan penuh Pengurusan SPP. Usaha ini dilihat sebagai transformasi cara komunikasi sesama kita daripada cara konvensional ke era digital. Tahniah kepada pasukan yang tampil dengan idea ini sehingga ia terlaksana.**
- 8. Untuk rekod, aplikasi FIKIR ini akan menggantikan saluran kotak pertanyaan kepada aplikasi ‘*Google Document*’ yang lebih mudah dicapai oleh pengguna di samping menjamin persekitaran yang selamat dan mudah dikawal oleh urus setia. Dalam masa yang sama input maklum balas ini boleh dicapai secara ‘*real time*’.**

Hadirin yang dikasihi sekalian,

- 9. Berbicara lanjut mengenai aplikasi FIKIR SPP ini, ia merupakan inisiatif dan platform cambah minda dalam kalangan Warga SPP. Setiap seorang daripada kita boleh berkongsi cadangan, idea inovasi dan penambahbaikan**

persekitaran kerja di SPP. Aplikasi ini boleh diakses sepanjang masa melalui kod QR yang disediakan. Saya juga difahamkan, idea yang direalisasikan akan mendapat ganjaran menarik.

- 10. Sepanjang tahun 2020 dan tahun ini juga, pelbagai aplikasi atas talian telah mengambil alih tugas urusan konvensional khususnya dalam penyampaian urusan pengambilan dan pengurusan. Salah satunya adalah pengenalan Sistem Kertas Pertimbangan Suruhanjaya (e-KEPS) pada 21 Januari 2020. Pembangunan sistem ini mengambil masa selama 3 bulan dan dibangunkan menggunakan kepakaran dalaman SPP. Ia selaras dengan hasrat mendigitalkan penyampaian perkhidmatan di SPP di mana kertas suruhanjaya diedarkan melalui atas talian sepenuhnya dan boleh diakses melalui komputer riba mahupun peranti mudah alih.**
- 11. Selain itu, dalam memastikan SPP dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat khususnya pencari kerja, SPP telah mengambil inisiatif untuk membangunkan Sistem Pengambilan Anggota**

Perkhidmatan Pendidikan (MySPP) dan telah dilancarkan pada 15 Julai 2020. MySPP merupakan inisiatif Pengurusan Tertinggi SPP dan migrasi fungsi pendaftaran pekerjaan daripada Portal Jobs Malaysia. Sistem ini dibangunkan dengan mengadaptasi sistem SPAi8 Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang mempunyai ciri serupa dan disesuaikan dengan persekitaran SPP.

- 12. Selain aplikasi FIKIR, SPP juga memperkenalkan Sistem Aduan Dalaman atau SADA yang merupakan satu saluran aduan bagi Warga SPP yang melibatkan pelanggaran peraturan penjawat awam. Semua kakitangan SPP boleh melaksanakan aduan berhubung integriti dan menyemak status aduan secara mudah, cepat dan kerahsiaan akan dilindungi. Sistem ini hanya boleh diakses oleh warga SPP sahaja dan dibangunkan menggunakan kepakaran dalaman. Dalam era digital, SPP sentiasa komited dalam memastikan semua urusan ditambah baik dari semasa ke semasa. Justeru, SADA merupakan salah satu inisiatif penyampaian perkhidmatan SPP iaitu memastikan pengurusan aduan kakitangan SPP dapat dilaksanakan dengan mudah serta secara atas talian.**

Hadirin yang dikasihi sekalian,

- 13. Pada petang ini juga, saya difahamkan kita akan mengadakan majlis apresiasi bagi Anggota Suruhanjaya kita. Apresiasi ini melibatkan YBhg. Tan Sri Dr. Khair bin Mohamad Yusof dan YBhg. Datuk Haji Muhiddin @ Mohd Anas bin Yusin yang akan tamat kontrak pada 26 November 2021 serta YBhg. Datuk Dr. Azmi bin Shafei YBhg. Datuk Haji Mohd Sani bin Mistam yang telah tamat tempoh pada 3 Januari 2021. Turut bersama-sama kita pada petang ini juga adalah YBhg. Tan Sri Ahmad Phesal bin Talib, mantan Timbalan Pengurus kita yang telah tamat kontrak pada 16 April 2020. Tercapai jua hasrat Warga SPP untuk kami adakan majlis apresiasi yang sempurna bagi Anggota Suruhanjaya yang tamat tempoh bagi tahun 2020 dan 2021. Gusar juga sekiranya situasi pandemik COVID-19 semakin teruk, namun alhamdulilah niat baik kita dipermudahkan oleh Allah S.W.T.**

- 14. Saya secara peribadi dan mewakili seluruh Warga SPP ingin menzahirkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih atas**

sumbangan dan bakti sebagai Anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan selama tiga tahun ini kepada YBhg. Tan Sri Dr. Khair, YBhg. Tan Sri Ahmad Phesal, YBhg. Datuk Muhiddin dan YBhg. Datuk Dr. Azmi serta YBhg. Datuk Haji Mohd Sani bin Mistam . Tiada perkataan yang sesuai dapat menggambarkan penghargaan kerajaan terhadap sumbangan dan pengorbanan YBhg. Tan Sri dan YBhg. Datuk curahkan terhadap pembangunan modal insan pendidikan di negara ini.

15. **Persaraan atau tamat kontrak adalah umpama suatu persimpangan utama dalam hidup seseorang penjawat awam. Di situlah bermulanya para pesara melepaskan tugas dan tanggungjawab yang dipikul selama ini, mengucapkan selamat tinggal kepada rakan-rakan sekerja dan memasuki fasa hidup baru di luar persekitaran biasa. Pada masa inilah perlu memikirkan hala tuju masing-masing, sama ada mahu menceburi kerjaya baru, meluangkan masa bersama keluarga ataupun meneruskan hobi yang tertunda. “*Life begins at retirement*”.**

16. Pintu SPP sentiasa terbuka buat YBhg. Tan Sri-Tan Sri dan YBhg. Datuk-Datuk untuk berkongsi dan memberi buah fikiran bagi menambah baik penyampaian perkhidmatan SPP kerana pengalaman dan pencapaian yang diraih selama menjadi penjawat awam dan Anggota Suruhanjaya amat berharga dan boleh menjadi panduan kami yang masih lagi berkhidmat. Sekali lagi, terima kasih YBhg. Tan Sri-Tan Sri dan YBhg. Datuk.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

17. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, untuk Warga SPP teruslah berdaya saing dan dapat mengadaptasi inovasi kerana kita tidak boleh terus bergantung pada keupayaan dan sistem konvensional. Rasa ingin tahu akan kebolehan dan keupayaan terkini dalam menyelesaikan tugas hakiki menggunakan teknologi perlu dipupuk agar ‘*outcome*’ penyampaian perkhidmatan akan sentiasa terkini dan menepati kehendak pemegang taruh dan pelanggan.

18. Jadikan pengenalan aplikasi FIKIR dan sistem lain sebagai perintis kepada inisiatif atau ilham kepada inovasi dan

idea baru agar SPP terus kekal relevan sebagai Badan Kuasa Melantik Anggota Perkhidmatan Pendidikan yang Dinamik, Efektif dan Berintegriti.

19. Akhir kata, dengan lafaz bismillahirahmanirahim, saya dengan ini merasmikan Aplikasi Format Inisiatif, Kualiti, Inovasi dan Respon atau FIKIR Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan.

20. Dengan itu, Wabillahitaufik Walhidayah Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.